

ALAM WANITA

Dari Lembaran Sejarah Islam:

Puteri Tiga Hassan

Di dalam Majalah Qalam bilangan ini dan bilangan-bilangan akan datang sekali lagi kita hidangkan kepada para pembaca sekalian sebuah kisah seorang puteri Islam yang mempunyai sifat-sifat taqwa dan zuhud, sehingga beliau dianggap oleh seluruh masyarakat di Mesir sebagai seorang keramat hidup yang mempunyai kekuasaan mukjizat yang luar biasa.

Kisah ini ditulis oleh Ummu Muhsin seorang penulis kisah pahlawan-pahlawan wanita Islam yang sering kali menyumbangkan buah pena nya di halaman Majalah Qalam – pengarang.

(oleh: Ummu Muhsin)

Puteri Tiga Hassan adalah seorang puteri Islam yang mempunyai sifat-sifat taqwa dan zuhud yang tidak ada tolok bandingnya dari sejak zaman permulaan Islam berkembang hingga ke hari ini. Jika kita meninjau kembali sifat-sifat kepahlawanan beberapa orang puteri-puteri Islam yang telah kita bentangkan di dalam ruangan ini, maka kita dapati kesemua daripada mereka itu ada mempunyai sifat-sifat keberanian dan kehandalan dalam lapangan memperjuangkan kesucian dan kemuliaan agama Islam, tetapi sifat-sifat taqwa dan zuhud yang dimiliki oleh puteri tiga Hassan yang akan kita ceritakan kisahnya nanti, tidaklah dapat mereka tandingi.

Supaya para pembaca sekalian tidak merasa ragu-ragu dan bertanya-tanya ingin tahu siapakah dia wanita Islam yang telah diberi gelaran dengan nama “**Puteri Tiga Hassan**” itu, maka biarlah

saya terangkan nama beliau yang sebenarnya, iaitu Saiyidah Nafisah binti Hassan bin Zaid bin Hassan bin Hassan, bin Ali bin Abu Talib (R.A).

Saiyidah Nafisah adalah seorang puteri Islam yang hidup di zaman Islam yang sedang berkembang menyinarakan cahayanya di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab dan negara-negara yang berada di sekelilingnya, sebagai seorang puteri Islam yang mempunyai sifat-sifat zuhud dan taqwa yang mendalam, maka Saiyidah Nafisah sudah tentu tidak dapat menandingi sifat-sifat keberanian sekalian puteri-puteri Islam yang terdahulu daripadanya dalam lapangan mereka bertempur mengorbankan diri di medan perjuangan membela agama Allah; dan begitu pula sebaliknya mereka tidak dapat pula menandingi sifat-sifat taqwa dan zuhud yang ada tersemat di dalam jiwa Saiyidah Nafisah, kerana beliau adalah seorang pahlawan zuhud

dan taqwa, bukannya pahlawan meminggul senjata di medan peperangan.

Kalau puteri-puteri Islam yang terdahulu daripadanya sentiasa awas waspada menjaga musuh-musuh yang cuba hendak mencemarkan kemuliaan Islam, maka Saiyidah Nafisah sentiasa berjaga malam kerana beribadat kepada Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* dan berpuasa pada siang hari serta di sepanjang hidupnya lebih banyak menangis daripada ketawa. Di samping itu beliau telah banyak berkorban menghabiskan harta bendanya untuk beberapa kali pergi ke Makkah menunaikan fardu haji; menurut riwayat beliau selama hayatnya telah menunaikan fardu haji sebanyak tiga puluh kali.

Saiyidah Nafisah pada suatu masa pernah ditanya orang:

“Siti Nafisah! Mengapa Siti sentiasa suka menyusahkan diri sendiri, sehingga jarang sekali

kami lihat Siti dalam keadaan bergembira, malam berjaga dan siang hari berpuasa, sedangkan amalan puasa yang Siti lakukan itu berlainan pula caranya, tiga hari berpuasa baharu sekali berbuka; pada hal segala perintah yang diturunkan Allah itu tidak menyuruh sampai hamba-hamba-Nya menyusahkan diri sendiri. Kenapa pula Siti melakukan ibadah yang begitu berat; padahal Tuhan menyuruh kita mengerjakan ibadah dengan segala senang hati dan dengan perasaan penuh gembira dan dengan menurut kesanggupan tenaga dan taubat badan kita, tidak dengan secara paksa sampai menyusahkan diri... kasihanilah akan diri Cik Siti sendiri!”

Mendengar perkataan yang diucapkan oleh sahabat-sahabatnya itu, maka Sayidah Nafisah memberikan jawapan dengan katanya:

“Bagaimana saya mesti mengasihani diri saya sendiri, sedang di hadapan mata saya terbentang dengan nyata beberapa jalan yang bersimpangsiur dengan penuh onak dan duri serta ranjau-ranjau yang tajam, yang mana jalan-jalan itu tidak akan dapat dilalui melainkan oleh orang-orang yang jujur niat hatinya untuk berkorban terhadap agama Allah dan segala amal kebajikan yang dilakukannya tidak bercampur dengan perasaan takbur dan riak, dan tidak pula bakhil dalam soal membelanjakan rezeki dan nikmat-nikmat yang telah dikurniakan Allah. Orang yang seperti ini sahajalah yang dapat melalui jalan itu.”

“Betapa saya tidak memaksa diri saya dalam lapangan beribadah kepada Tuhan, sehingga tuan-tuan menganggap bahawa saya telah menyeksa dan menyusah-nyusahkan diri saya sendiri,

kerana ibadah itulah suatu amalan yang dapat saya buat dan sebagai kegemaran hati saya di setiap waktu, lantaran saya tidak dapat peluang untuk mengikuti jejak langkah pengorbanan yang telah dilakukan oleh pahlawan-pahlawan puteri Islam di zaman yang lalu. Mereka telah berjuang, berjihad dan mengorbankan segala harta benda mereka, suami dan anak pinak mereka dan segala-gala yang ada pada diri mereka, mereka serahkan dengan cekal hati dan tawakal demi untuk membela kemuliaan agama Islam yang suci. Di zaman saya ini cara-cara pengorbanan seperti itu sudah tidak ada lagi, masa berjuang yang seumpama itu sudah berlalu; kalau ada pun tidaklah dapat menyamai pengorbanan-pengorbanan yang telah dapat mereka berikan kepada agama Allah. Alangkah bertuahnya hidup mereka di zaman lampau, yang mana waktu dan masa mereka sentiasa diisi dengan khidmat dan jasa pengorbanan yang cemerlang. Alangkah gembiranya mereka sewaktu menemui Tuhan di hari Akhirat kelak! Inilah yang menyebabkan saya selalu brsedih dan mencucurkan air mata.”

“Dalam segi mendapat nikmat dari Tuhan, saya ingin menyamai mereka, saya ingin berjuang dan berkorban seperti mereka, tetapi masanya sudah luput; hanya yang dapat saya lakukan sekarang ialah mengorbankan segala kesenangan dan segala kemewahan yang ada pada saya, segala kegembiraan hidup yang ada pada saya terpaksa saya tinggalkan, kerana saya ingat dan saya insaf bahawa pahlawan-pahlawan puteri Islam di hari yang silam, mereka hidup tanpa mengecap segala kesenangan hidup; terkadang-kadang mereka

makan dan terkadang-kadang tidak; malam mereka jarang dapat tidur dengan nyenyak, kerana masa dan keadaan tidak mengizinkan mereka untuk mengecap nikmat kesenangan hidup. Hidup mereka penuh dengan perjuangan dan pengorbanan.”

Demikianlah pengorbanan-pengorbanan yang telah dilaksanakan oleh Sayidah Nafisah terhadap dirinya sendiri, kerana untuk menunaikan dua tujuan hidup yang besar :

Yang pertama: dia mesti memaksa dirinya meninggalkan segala kesenangan hidup, sampai dia dapat hidup di dalam alam keadilan, sedang keadilan tidak dapat dicapai melainkan dengan menempuhi ranjau kepayahan dan adakalanya dengan menghadapi pertempuran dan peperangan. Beginilah yang telah dibuktikan oleh sejarah Islam di zaman hidupnya Rasulullah (S.A.W). Saiyidah Nafisah berpendapat bahawa dia tidak akan dapat hidup di alam keadilan di alam Akhirat selagi dia tidak mahu meninggalkan segala kesenangan hidup di alam dunia; sedang kaum sejenisnya di zaman silam tidak pernah mereka hidup di dalam kesenangan. Dengan itu maka Saiyidah Nafisah merasai yang dia tidak berlaku adil terhadap kaum sejenis dengannya, jika dia sentiasa hidup di dalam kesenangan, sedang dia sendiri mengetahui bahawa puteri-puteri Islam di zaman silam sentiasa hidup dalam suasana penderitaan, taat setia pada setiap masa dan waktu menjunjung titah perintah Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*.

Yang kedua: Saiyidah Nafisah memikirkan keadaan dirinya sendiri, betapa malunya dia kepada dirinya